



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***KESEDARAN DAN PERSEPSI MURID-MURID MENGENAI ISU DAN  
PENDIDIKAN ALAM SEKITAR DI SEKOLAH MENENGAH TERPILIH  
DI JOHOR BAHRU, MALAYSIA***

**WAN AZHAR BIN WAN YAACOB**

**FPAS 2012 26**

**KESEDARAN DAN PERSEPSI MURID-MURID MENGENAI ISU DAN  
PENDIDIKAN ALAM SEKITAR DI SEKOLAH MENENGAH TERPILIH  
DI JOHOR BAHRU, MALAYSIA**



**Oleh**

**WAN AZHAR BIN WAN YAACOB**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia  
sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**Februari 2012**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KESEDARAN DAN PERSEPSI MURID-MURID MENGENAI ISU DAN  
PENDIDIKAN ALAM SEKITAR DI SEKOLAH MENENGAH TERPILIH  
DI JOHOR BAHRU, MALAYSIA**

Oleh

**WAN AZHAR BIN WAN YAACOB**

**Februari 2012**

**Pengerusi : Puan Rosta Binti Harun**

**Fakulti : Pengajian Alam Sekitar**

**Kata kunci : Pendidikan Alam Sekitar, Kesedaran dan Persepsi**

Objektif kajian ini untuk menilai tahap pengetahuan murid terhadap isu alam sekitar, menilai tahap sikap murid terhadap isu alam sekitar, mengkaji perbezaan tahap pengetahuan dan sikap murid terhadap isu alam sekitar dan mengkaji persepsi murid

terhadap tujuan, kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta penerapan nilai murni Pendidikan Alam Sekitar dalam mata pelajaran Geografi dan mata pelajaran lain di sekolah.

Kajian ini berbentuk deskriptif dengan kaedah tinjauan. Kajian melibatkan 532 orang murid Tingkatan Empat di enam buah sekolah menengah di bandaraya Johor Bahru. Mereka dipilih menggunakan kaedah persampelan berkelompok daripada populasi pelajar seramai 1330 orang.

Keputusan kajian tentang tahap pengetahuan murid secara keseluruhannya menurut nilai skor min berada pada tahap sederhana (10.21). Tahap pengetahuan murid mengikut jantina juga berada pada tahap sederhana iaitu lelaki (10.50) dan perempuan (9.94). Perbandingan tahap pengetahuan murid mengikut pencapaian akademik, mendapati murid yang memperolehi keputusan Geografi yang cemerlang dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi (11.28) manakala murid yang memperolehi keputusan yang rendah (gred C-E) mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana ( 8.50–9.47). Perbandingan tahap pengetahuan murid mengikut latar belakang pendidikan bapa mereka berbeza ialah berada pada tahap sederhana (8.50-10.05) kecuali latar belakang pendidikan bapa mereka yang berada pada peringkat universiti mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi (10.70). Tahap pengetahuan murid bagi kumpulan pelajar yang ibu mereka mempunyai tingkat pendidikan yang berbeza adalah berada pada tahap sederhana (9.40-10.59).

Keputusan kajian tentang tahap sikap murid secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi iaitu nilai skor minnya 4.27. Tahap sikap murid mengikut jantina berada pada tahap sederhana (2.86). Tahap sikap murid mengikut pencapaian akademik menunjukkan kumpulan murid yang memperolehi gred A-D dalam Geografi pada peringkat PMR mempunyai tahap sikap yang sederhana (2.36-2.89). Murid yang memperolehi gred E pula mempunyai tahap sikap yang rendah (2.00). Perbandingan tahap sikap murid mengikut latar belakang pendidikan ibu dan bapa pula mendapati kumpulan murid yang ibu dan bapa mereka mempunyai tingkat pendidikan yang berbeza berada pada tahap sederhana (2.55-3.00).

Secara keseluruhannya persepsi murid terhadap tujuan dan matlamat, kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta penerapan Pendidikan Alam Sekitar dalam mata pelajaran Geografi dan mata pelajaran lain di sekolah adalah bersetuju dengan nilai skor minnya antara 3.14-4.56 kecuali item tujuan dan matlamat Pendidikan Alam Sekitar boleh mewujudkan sikap anti pembangunan (3.00).

Kesimpulannya ialah walaupun unsur Pendidikan Alam Sekitar telah diterapkan dalam mata pelajaran Geografi di sekolah sejak tahun 1980 an lagi, namun masih belum memberi kesan positif terhadap tahap pengetahuan murid. Harus dilakukan sesuatu yang drastik agar tahap pengetahuan murid dapat ditingkatkan dan seterusnya dapat melahirkan murid yang memiliki tahap pengetahuan yang tinggi tentang isu alam sekitar.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**THE AWARENESS AND PERCEPTION OF STUDENTS ON ISSUES AND ENVIRONMENTAL EDUCATION IN SELECTED SECONDARY SCHOOLS IN JOHOR BAHRU, MALAYSIA**

By

**WAN AZHAR WAN YAACOB**

**February 2012**

**Chairman : Madam Rosta Binti Harun**

**Faculty : Environmental Studies**

**Keywords: Environmental Education, Awareness and Perception**

The objectives of this study are to evaluate the level of knowledge and attitude of students on environmental issues, to study on students' knowledge and attitude regarding environmental issues and to study the perception of students on the

purpose, curriculum, teaching and learning method as well as inculcation of Environmental Education in Geography and other subjects in school.

This study was conducted in descriptive manner with the use of observation method. It involved 532 students from Form Four in six secondary schools in Johor Bahru. Students were selected through collective sampling from the population of 1330 Form Four students.

Results showed that the level of knowledge for both male and female students regarding environmental issues is moderate (10.21). According to gender, boys (10.50) and girls (9.94). It also shows that students who excel in Geography during their PMR (*Penilaian Menengah Rendah*) score higher (11.28) compared to those who are getting C – E Grade in their examination (8.50 – 9.47). Comparison on students' knowledge according to different education background of their fathers indicated moderate (8.50 – 10.05) of knowledge except for those fathers have higher education (university level) (10.70). For students whose mothers have different education of background, their knowledge is moderate (9.40 – 10.59).

Meanwhile, the level of students attitude is high. The min was 4.27. Students attitude based on gender (male and female) is at moderate (2.86). According to students' achievement in Geography subject, those who get A to D have moderate of attitude (2.36 – 2.89) while the group of students with grade E has low attitude (2.00). The attitude of student according to their parents' education of background is at moderate

(2.55 – 3.00). Students perception on Environmental Education in school subject was measured using Likert scale.

Overall, the result of this study found that students agreed with the purpose, aim, curriculum, teaching and learning method as well as inculcation of environmental education in Geography and other subjects taught at school. The min was 3.14 – 4.56. Except for the objective and aim of environmental education which may arouse the attitude of anti development (3.00).

In conclusion, eventhough the element of environmental education was instilled in Geography since 1980, it still havent give a positif impact towards student knowledge. Some drastic action should be taken to improve this in order to produce a generation who are environmental literate.



## PENGHARGAAN

Segala pujian bagi ALLAH s.w.t dan selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. dengan berkat kurnia dan bantuanNya dapat saya menyiapkan tesis ini. Saya amat bersyukur kehadiran ALLAH s.w.t. kerana memberikan saya kekuatan dan kesabaran bagi menyiapkan tesis ini.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan khusus kepada Pn. Rosta Harun selaku pengerusi jawatankuasa tesis yang banyak membantu tanpa mengira masa dalam menyumbangkan idea-idea penting dan bernas, memberi bimbingan, nasihat, motivasi dan galakan sehingga tesis ini Berjaya disiapkan sepenuhnya. Penghargaan yang tulus ikhlas juga ditujukan kepada ahli jawatankuasa tesis iaitu Prof. Dr. Azizi bin Muda dan Prof. Dato' Dr. Che Musa bin Che Omar yang bersungguh-sungguh memberikan pendapat, pandangan, idea-idea yang baik dan sentiasa meluangkan masa untuk membantu saya sepanjang menjalankan pengajian saya di Universiti Putra Malaysia (UPM) ini. Semoga diberkati ALLAH s.w.t sentiasa hendaknya.

Saya juga berterima kasih kepada Bahagian Tajaan Biasiswa, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang memberikan saya peluang belajar dengan bantuan biasiswa. Jutaan terima kasih juga kepada semua Pengetua, guru dan murid yang terlibat dalam kajian ini kerana sudi meluangkan masa mengisi borang soal selidik yang diberikan. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan seperti Saudara Abdullah bin Daud, Saudara Ahmad Riza bin Saary, Puan Rohana, Puan Ikaliana, Puan Masitah dan Puan Nazifah kerana banyak membantu memberikan nasihat dan pandangan.

Jutaan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada isteri tercinta Rusvela binti Fakaruddin yang mengizinkan, sentiasa menyokong sepenuhnya dan sanggup berkorban masa dan tenaga bagi memastikan tesis ini berjaya disiapkan. Juga buat

anak-anak tersayang, Wan Ahmad Ariffie, Wan Ahmad Zyd Hakim, Wan Amna Aqilah dan Wan Ahmad Dhia Haidar yang menjadi pembakar semangat untuk meneruskan perjuangan.

Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung termasuklah ibu bapa, ibu bapa mertua dan adik beradik yang sentiasa mendoakan kejayaan saya.



## PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 22 Februari 2012 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Wan Azhar Bin Wan Yaacob untuk menilai tesis Sarjana beliau yang bertajuk “Kesedaran dan Persepsi Murid Terhadap Isu Dan Pendidikan Alam Sekitar Di Sekolah Menengah Terpilih Di Bandaraya Johor Bahru” mengikut Akta Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Master Sains.

Ahli Pemeriksa Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Dr. Nor Rasidah binti Hashim  
Jabatan Sains Alam Sekitar  
Fakulti Pengajian Alam Sekitar, UPM  
(Pengerusi Jawatankuasa Peperiksaan Tesis)

Prof. Madya Dr. Mohd Bakri bin Ishak  
Jabatan Pengurusan Alam Sekitar  
Fakulti Pengajian Alam Sekitar, UPM  
(Pemeriksa Dalam)

Prof. Madya Dr. Samsilah binti Roslan  
Jabatan Asas Pendidikan  
Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM  
(Pemeriksa Dalam)

Dr. Arba'at bin Hassan  
Jabatan Pengajian Pendidikan  
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Sosial  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
(Pemeriksa Luar)

---

**SEOW HENG FONG, PhD**  
Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : April 2012

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Rosta Harun**

Fakulti Pengajian Alam Sekitar  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Che Musa Che Omar, Phd**

Profesor Dato'  
Fakulti Pengajian Alam Sekitar  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Azizi Muda, Phd**

Profesor  
Jabatan Geografi  
Fakulti Sains Sosial  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

## PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain.

---

WAN AZHAR BIN WAN YAACOB

Tarikh: 22 Februari 2012

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	viii
<b>PENGESAHAN</b>	x
<b>PERAKUAN</b>	xii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xvi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENGENALAN</b>	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Signifikan Kajian	9
1.7 Batasan Kajian	10
1.8 Definisi Istilah	10
1.9 Penutup	14
<b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>	16
2.1 Pendahuluan	16
2.2 Kerangka Kajian	17
2.2.1 Model Hubungan Sikap Dan Pengetahuan Tentang Alam Sekitar	17
2.2.2 Teori Tingkah Laku Dan Hubungannya Dengan Sikap, Pengetahuan, Persepsi Dan Pemboleh Ubah Demografi	19
2.2.3 Model Persepsi Dan Tingkah Laku Terhadap Alam Sekitar	22
2.2.4 Model Kerangka Teori Kajian	25
2.3 Tahap Pengetahuan Dan Sikap (Kesedaran) Murid Terhadap Isu Alam Sekitar	27
2.4 Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Pengetahuan Dan Sikap (Kesedaran) Murid Terhadap Isu Alam Sekitar	31
2.5 Persepsi Murid Terhadap Pendidikan Alam Sekitar	33
2.5.1 Persepsi Murid Terhadap Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi Di Sekolah	36
2.5.2 Persepsi Murid Terhadap Tujuan Dan Matlamat Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi Di Sekolah	37
2.5.3 Persepsi Murid Terhadap Kurikulum Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi Di Sekolah	40

2.5.4	Persepsi Murid Terhadap Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi Di Sekolah	41
2.5.5	Persepsi Murid Terhadap Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi Dan Mata Pelajaran Lain Di Sekolah	46
2.6	Penutup	49
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>50</b>
3.1	Pendahuluan	50
3.2	Kaedah Kajian	50
3.3	Kawasan Kajian	51
3.4	Populasi Dan Persampelan Kajian	52
3.5	Instrumentasi	55
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumentasi	58
3.7	Prosedur Kajian	59
	3.7.1 Kajian Rintis	59
	3.7.2 Pengendalian Kajian	59
3.8	Skop Kajian	60
3.9	Penganalisan Data Statistik	60
	3.9.1 Pengetahuan Dan Sikap Murid Terhadap Isu Alam Sekitar	61
	3.9.2 Persepsi Murid Terhadap Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi Di Sekolah	63
3.10	Penutup	63
<b>4</b>	<b>KEPUTUSAN KAJIAN</b>	<b>65</b>
4.1	Pendahuluan	65
4.2	Tahap Pengetahuan Murid Terhadap Isu Alam Sekitar	65
	4.2.1 Tahap Pengetahuan Murid Secara Umum	66
	4.2.2 Tahap Pengetahuan Murid Lelaki Dan Perempuan	66
	4.2.3 Tahap Pengetahuan Murid Mengikut Pencapaian Akademik	67
	4.2.4 Tahap Pengetahuan Murid Mengikut Latar Belakang Pendidikan Bapa	68
	4.2.5 Tahap Pengetahuan Murid Mengikut Latar Belakang Pendidikan Ibu	70
4.3	Tahap Sikap Murid Terhadap Isu Alam Sekitar	71
	4.3.1 Tahap Sikap Murid Secara Umum	71
	4.3.2 Tahap Sikap Murid Lelaki Dan Perempuan	72
	4.3.3 Tahap Sikap Murid Mengikut Pencapaian Akademik	72
	4.3.4 Tahap Sikap Murid Mengikut Latar Belakang Pendidikan Bapa	73
	4.3.5 Tahap Sikap Murid Mengikut Latar Belakang Pendidikan Ibu	74
4.4	Persepsi Murid Terhadap Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi Di Sekolah	75

4.4.1	Persepsi Murid Terhadap Tujuan Dan Matlamat Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi Di Sekolah	76
4.4.2	Persepsi Murid Terhadap Kurikulum Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi Di Sekolah	81
4.4.3	Persepsi Murid Terhadap Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi Di Sekolah	85
4.4.4	Persepsi Murid Terhadap Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi Dan Mata Pelajaran Lain Di Sekolah	89
4.5	Penutup	91
<b>5</b>	<b>DAPATAN KAJIAN, PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	94
5.1	Pendahuluan	94
5.2	Tahap Pengetahuan Murid Terhadap Isu Alam Sekitar	94
5.3	Tahap Sikap Murid Terhadap Isu Alam Sekitar	98
5.4	Persepsi Murid Terhadap Tujuan Dan Matlamat Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi Di Sekolah	99
5.5	Persepsi Murid Terhadap Kurikulum Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi Di Sekolah	100
5.6	Persepsi Murid Terhadap Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi Di Sekolah	101
5.7	Persepsi Murid Terhadap Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi Dan Mata Pelajaran Lain Di Sekolah	105
5.8	Cadangan Peningkatan Kesedaran Pendidikan Alam Sekitar	106
5.9	Cadangan Kajian Lanjutan	108
5.10	Penutup	109
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	111
	<b>LAMPIRAN</b>	126
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	135



**SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>		<b>Muka surat</b>
3.1	Pecahan Saiz Sampel Berdasarkan Persampelan Berkelompok Mengikut Sekolah di Bandaraya Johor Bahru, Johor	54
3.2	Kaedah Pemarkatan Bagi Soalan Yang Menggunakan Skala 5-Likert	57
3.3	Kaedah Pemarkatan Tahap Pengetahuan Mengenai Isu Alam Sekitar	61
3.4	Kaedah Pemarkatan Tahap Sikap Mengenai Isu Alam Sekitar	62
3.5	Kaedah Pemarkatan Persepsi Murid Terhadap Pendidikan Alam Sekitar	63
4.1	Tahap Pengetahuan Murid Lelaki dan Perempuan	67
4.2	Tahap Pengetahuan Murid Mengikut Pencapaian Akademik (keputusan mata pelajaran Geografi pada peringkat Penilaian Menengah Rendah)	68
4.3	Tahap Pengetahuan Murid Mengikut Latar Belakang Pendidikan Bapa	69
4.4	Tahap Pengetahuan Murid Mengikut Latar Belakang Pendidikan Ibu	70
4.5	Tahap Sikap Murid Lelaki dan Perempuan	72
4.6	Tahap Sikap Murid Mengikut Pencapaian Akademik	73
4.7	Tahap Sikap Murid Mengikut Latar Belakang Pendidikan Bapa	74

4.8	Tahap Sikap Murid Mengikut Latar Belakang Pendidikan Ibu	75
4.9	Persepsi Murid Terhadap Tujuan dan Matlamat Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi	77
4.10	Persepsi Murid Terhadap Kurikulum Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi	83
4.11	Persepsi Murid Mengenai Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi	86
4.12	Persepsi Murid Mengenai Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Geografi dan Mata Pelajaran Lain di Sekolah	90



**SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
2.1 Model 'Ecostrategies' menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap seseorang terhadap alam sekitar	18
2.2 Model Konseptual Tingkah Laku Alam Sekitar	21
2.3 Model Persepsi dan Tingkah laku Terhadap Alam Sekitar	24
2.4 Model Kerangka Teori Kajian	26

# BAB I

## Pengenalan

### 1.1 Pendahuluan

Alam sekitar boleh didefinisikan sebagai hasil interaksi biotik (organisma yang saling berinteraksi sesama organisma) dan abiotik (komponan fizikal) semua organisma di bumi (Barrow 1999). Interaksi manusia dan alam sekitar bermula seawal detik pertama manusia mendiami bumi. Pertambahan jumlah penduduk dunia secara mendadak dan berterusan telah meningkatkan intensiti interaksi ini. Jenis interaksi yang paling ketara adalah bersifat dominasi dan eksploitasi alam sekitar oleh manusia. Sebagai contoh, hutan dan hidupan liar di Mauritius telah mengalami degradasi yang hebat sejak tahun 1700 lagi (Barrow 1999). Revolusi Industri yang melanda Eropah dan Amerika Utara pada abad ke 18 dan 19, terus menambahkan ketidakseimbangan dalam interaksi manusia-alam sekitar ini. Sumber semulajadi yang merupakan bahan mentah industri dieksploitasi tanpa batasan. Proses perindustrian yang melibatkan pengembalian sisa kumbahan ke udara, air dan daratan memburukkan lagi keadaan alam sekitar pada ketika itu.

Apabila interaksi manusia-alam sekitar mula menunjukkan impak negatif kepada manusia, perhatian mula diberi kepada keperluan untuk menguruskan alam sekitar dengan cara yang lebih baik dan sistematik. Amerika Syarikat contohnya telah menubuhkan *US Soil Erosion Service* pada tahun 1933 dan *US Soil Conservation*

*Service* pada tahun 1935 untuk menangani masalah degradasi tanah yang telah mengakibatkan kerugian ekonomi yang besar kepada negara tersebut. Walau bagaimanapun usaha ini terhenti seketika apabila perhatian dunia berpindah kepada Perang Dunia Kedua yang berakhir pada tahun 1945. Peperangan ini juga telah menambahkan masalah kepada alam sekitar apabila bahan kimia berbahaya dan bahan bersifat radioaktif telah digunakan sebagai senjata.

Implikasi daripada isu tersebut, pada tahun 1960an, masyarakat dunia mula memberikan tumpuan kepada permasalahan alam sekitar yang semakin meruncing. Kesedaran mengenai isu alam sekitar terus ditingkatkan dari masa ke semasa untuk memastikan kehidupan manusia terjamin dan sejahtera di masa hadapan. Cara yang paling berkesan bagi meningkatkan tahap pengetahuan, kesedaran serta keprihatinan terhadap alam sekitar ialah melalui mata pelajaran Pendidikan Alam Sekitar (PAS).

Menurut Bahagian Pendidikan Guru (2002/2003) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (1998), mendefinisikan Pendidikan Alam Sekitar sebagai suatu pembelajaran untuk memahami interaksi manusia dan alam sekitar serta bagaimana manusia harus menguruskan alam sekitar dengan penuh tanggung jawab demi kesejahteraan manusia. Ia melibatkan pendidikan tentang alam sekitar, pendidikan untuk alam sekitar dan pendidikan melalui alam sekitar bagi meningkatkan kesedaran, pengetahuan, kefahaman, kemahiran dan sikap tentang pengurusan alam dengan bijaksana.

Manakala menurut Rozita (2001) dalam penulisannya mendefinisikan Pendidikan Alam Sekitar sebagai satu alat pengurusan alam sekitar yang bersifat jangka panjang dan kekuatannya sebagai alat pengurusan alam sekitar terletak pada keupayaannya untuk membantu seseorang individu membina nilai, sikap dan tindakan yang baik terhadap alam sekitar.

Berdasarkan kepada Asas Pembentukan Sekolah Lestari (2007), Pendidikan dan Kesedaran terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar memerlukan pengetahuan, kefahaman, perubahan sikap dan penyertaan masyarakat. Perkara ini perlu dipupuk seawal mungkin kerana ia akan menjadi faktor penentu ke arah amalan cara hidup yang mesra alam pada masa akan datang. Cara yang berkesan untuk memupuk kesedaran tentang alam sekitar adalah melalui institusi pendidikan terutamanya sekolah

Pendidikan Alam Sekitar mula diperkenalkan di Malaysia pada Mac 1983 (Quah, 1988). Elemen yang berkaitan dengan Pendidikan Alam Sekitar telah diserapkan ke dalam mata pelajaran yang diajar di sekolah rendah dan sekolah menengah.

Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (1998), menjelaskan bahawa matlamat utama Pendidikan Alam Sekitar ialah untuk membentuk masyarakat yang lebih peka dan prihatin terhadap isu alam sekitar serta memperoleh pengetahuan, kemahiran, nilai dan komitmen untuk berusaha dan bertindak secara individu dan bersama ke arah penyelesaian isu alam sekitar.

Berdasarkan kepada matlamat ini, dapatlah dirumuskan bahawa Pendidikan Alam Sekitar merupakan satu alat pengurusan yang penting kerana ianya boleh mempengaruhi dan menyumbang kepada pengurusan alam sekitar dengan berkesan. Walau bagaimanapun pengurusan alam sekitar yang berkesan memerlukan suatu tahap pengetahuan, kefahaman, kesedaran, sikap, kemahiran dan rasa bertanggungjawab dari setiap individu untuk bertindak dengan cara yang paling sesuai bagi membolehkan alam sekitar terus dikekalkan, dilindungi dan dipelihara. Pendidikan Alam Sekitar boleh dilaksanakan melalui dua cara iaitu secara formal di sekolah dan secara bukan formal di luar daripada sekolah.

## **1.2 Latarbelakang Kajian**

Revolusi perusahaan di Eropah pada abad ke 18 dan 19 dan Perang Dunia Kedua 1945 telah mengakibatkan timbulnya permasalahan kepada alam sekitar. Keadaan ini menyebabkan pada tahun 1950-an, Pertubuhan Bukan Kerajaan Non Government Organizations (NGO) di Barat mula mengetengahkan isu keseimbangan dalam interaksi manusia-alam sekitar.

Dari situlah bermulanya kesedaran tentang keperluan untuk mendalami dan mengkaji masalah alam sekitar ini. Kesedaran mengenai isu alam sekitar dan permasalahannya ini terus ditingkatkan dari masa ke semasa demi memastikan kehidupan manusia terjamin dan sejahtera. Selaras dengan kepentingan ini, berbagai inisiatif dilakukan untuk memberi maklumat dan pengetahuan kepada orang ramai dalam konteks

pemuliharaan dan pendidikan. Cara yang paling berkesan bagi meningkatkan tahap pengetahuan, kesedaran serta keprihatinan terhadap alam sekitar ialah melalui mata pelajaran Pendidikan Alam Sekitar (PAS).

Menurut Ahmad Salihin (2004) proses Pendidikan Alam Sekitar melibatkan lima langkah ke arah memupuk dan meningkatkan :

- a. Kesedaran terhadap pelbagai sumber alam dan hubungannya dengan kehidupan manusia;
- b. Pengetahuan mengenai fungsi pelbagai sumber alam, kepentingan pemuliharaannya demi kemandirian dan isu alam sekitar;
- c. Kemahiran menyiasat unsur alam, mengenalpasti masalah dan menyelesaikannya;
- d. Sikap ingin memulihara alam sekitar;
- e. Penglibatan aktif setiap anggota masyarakat di dalam usaha pemuliharaan

Berdasarkan kepada faktor di atas, penyelidik merasakan harus ada satu kajian untuk menilai tahap pengetahuan dan sikap murid terhadap isu alam sekitar di samping mengenalpasti persepsi murid mengenai Pendidikan Alam Sekitar yang telah diterapkan dalam kurikulum sekolah. Tujuannya ialah untuk menjadikan Pendidikan Alam Sekitar yang telah diserapkan dalam mata pelajaran di sekolah akan dapat melahirkan manusia yang mempunyai pengetahuan tinggi, sikap yang positif serta bermotivasi untuk prihatin terhadap alam sekitar.



### 1.3 Pernyataan Masalah

Masalah kemerosotan kualiti alam sekitar menjadi semakin meruncing sama ada di dalam atau di luar negara. Isu alam sekitar seperti pencemaran udara, air dan tanah, hujan asid, pengurangan lapisan ozon, serta kepupusan flora dan fauna bukan lagi suatu yang asing kepada kita. Tahap kesedaran yang tinggi serta persepsi yang positif terhadap alam sekitar merupakan elemen yang sangat penting bagi melahirkan masyarakat yang lebih prihatin terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Walaupun pelbagai program Pendidikan Alam Sekitar baik secara formal atau tidak formal telah dilaksanakan di sekolah, namun keberkesannya masih lagi belum mencapai matlamatnya. Pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (MOSTI) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan Draf Garis Panduan Ke Arah Pembentukan Sekolah Lestari bertujuan membantu sekolah memperkukuhkan lagi proses pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar yang sedia ada (Asas Pembentukan Sekolah Lestari, 2007).

Kajian UNESCO (2003) mendapati kesedaran alam sekitar dalam kalangan rakyat Malaysia masih di peringkat asas sahaja. Kenyataan ini disokong oleh Abdul Aziz (2003), dalam kajiannya yang mendapati bahawa tidak terdapat korelasi yang signifikan antara pengetahuan konsep alam sekitar dengan keinginan mereka untuk melindungi alam sekitar.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah banyak berusaha untuk memberikan Pendidikan Alam Sekitar yang terbaik kepada murid baik secara formal dan juga tidak formal bagi meningkatkan kesedaran serta pembentukkan sikap prihatin terhadap masalah alam sekitar. Namun, masih lagi banyak keputusan kajian yang telah dijalankan mendapati murid masih lagi kurang prihatin terhadap alam sekitar contohnya kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Aziz (2003), Ismail (2005) dan Suriati (2009). Tahap kesedaran dan persepsi murid terhadap alam sekitar yang kurang prihatin ini mungkin dipengaruhi oleh faktor seperti jantina, pencapaian akademik dan juga latar belakang pendidikan ibu bapa (Ismail 2005).

Menurut Fadzilah (1999), kajian mendapati bahawa faktor yang mempengaruhi pemupukan kesedaran, sikap, serta nilai murni terhadap alam sekitar adalah sangat dipengaruhi oleh status sosio-ekonomi keluarga, ilmu pengetahuan, lokasi sekolah serta maklumat yang diperolehi di dalam atau di luar sekolah.

Elemen Pendidikan Alam Sekitar juga telah diterapkan secara khusus di dalam sukatan pelajaran Geografi di sekolah menengah. Walau bagaimanapun keberkesanan pelaksanaannya dari segi tujuan dan matlamat masih menjadi tanda tanya. Begitu juga kesesuaian kurikulum dan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar dalam subjek Geografi. Dengan ini pengkaji ingin meneliti pandangan murid tentang persoalan tersebut. Ini diharapkan akan memberi lebih pemahaman kepada kita tentang kedudukan Pendidikan Alam Sekitar dalam kurikulum Geografi di sekolah.

#### 1.4 Objektif Kajian

Matlamat utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan sikap (kesedaran) serta persepsi murid terhadap isu dan Pendidikan Alam Sekitar di sekolah menengah terpilih di bandaraya Johor Bahru. Oleh yang demikian, tujuan khusus kajian ini dijalankan adalah untuk:

- a. Menilai tahap pengetahuan murid terhadap isu alam sekitar.
- b. Menilai tahap sikap murid terhadap isu alam sekitar.
- c. Mengkaji perbezaan tahap pengetahuan dan sikap murid terhadap isu alam sekitar mengikut pemboleh ubah seperti jantina, prestasi akademik dan latar belakang pendidikan ibu bapa.
- d. Menganalisis persepsi murid terhadap tujuan, kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta penerapan Pendidikan Alam Sekitar dalam Geografi dan mata pelajaran lain di sekolah.

#### 1.5 Persoalan Kajian

Di antara persoalan kajian yang hendak dikaji ialah:

- a. Sejauhmanakah tahap pengetahuan dan sikap murid terhadap isu alam sekitar?
- b. Adakah terdapat perbezaan dari segi tahap pengetahuan dan sikap murid terhadap isu alam sekitar mengikut pemboleh ubah seperti jantina, prestasi akademik dan latar belakang pendidikan ibubapa?

- c. Apakah persepsi murid terhadap tujuan, kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta penerapan Pendidikan Alam Sekitar dalam Geografi dan mata pelajaran lain di sekolah?

### **1.6 Signifikan Kajian**

Melalui kajian ini, diharapkan dapat menilai tahap pengetahuan dan tahap sikap murid terhadap isu alam sekitar di samping mengenalpasti persepsi murid terhadap aspek seperti tujuan, kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta penerapan Pendidikan Alam Sekitar dalam Geografi dan mata pelajaran lain di sekolah.

Keputusan kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat yang tepat kepada para penggubal kurikulum yang berada di Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) agar sentiasa megemaskini Dasar Kurikulum Pendidikan Alam Sekitar supaya Pendidikan Alam Sekitar dapat mencapai tujuan dan matlamatnya.

